


kampung sungai tangkas

Where Nature Embraces Heritage

12 December 2014

KAMPUNG SUNGAI TANGKAS terletak berhampiran dengan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bandar Baru Bangi. Kampung ini merupakan kawasan perkampungan Melayu. Pembangunan kawasan ini semakin rancak dengan penubuhan UKM pada tahun 1970. Selain itu, terdapat landasan kereta api yang melalui kawasan ini telah membawa pengembangan di kampung ini. Stesen komuter UKM telah dibina oleh pihak KTM bagi memudahkan mahasiswa UKM dan lain-lain institusi di Bandar Baru Bangi berulang-alik.

*sumber : Mr Google map :-)



hyperlink

<https://www.youtube.com>

LMCR 2273

APREIASI TEKNOLOGI MAKLUMAT :-)

follow lah we olls



#apreasiasi teknologi

Translate

Powered by Google Translate

one things - one direction

videokeman.com/one-direction/one-direction-one-thing/

Wikipedia



Follow by Email






Lihat sajalah fatamorgana yang tercipta disini,dengan berbekalkan kecantikan yang asli,dengan panorama dikaki dan lereng penempatan tinggi,sudah tentu mampu mencipta momen yang indah untuk anak-anak disini membesar.

pelbagai kemudahan yang dicipta bagi memudahkan penduduknya untuk menjalankan kehidupan seharian seperti sekolah,balai polis,kllinik,tempat ibadat,dan sebagainya,

*berikut adalah antara kemudahan dan pemandangan di Kampung Sungai Tangkas sepanjang lawatan kami ke sana :-)



About Me



Mr Olala

[View my complete profile](#)

Blog archive

▼ 2014 (16)

▼ December (5)

KAMPUNG SUNGAI
TANGKAS terletak
berhampiran dengan...

CADANGANJALAN
PENYELESAIAN BAGI
PERMASALAHAN YANG ...

MESYUARAT KALI
KELAPAN TARIKH : 11/12/...

PERJUMPAAN BERSAMA
PENSYARAH Tarikh ...

MESYUARAT KALI
KETUJUH TARIKH : 6/12/201...

► November (5)

► October (5)

► September (1)



SEKOLAH





BALAI POLIS



KLINIK KESIHATAN



PENEMPATAN AWAM





TANGKI AIR SIMPANAN



SISTEM KUMBAHAN





PUSAT KEAGAMAAN



PENAIKTARAFAN






IANYA adalah sesebuah taman perumahan dibangunkan secara tradisi serta sempurna jika dinilai dari kedudukan serta keindahan landskapnya yang terletak diantara kehijauan alam dan ketenangan alam, manakan tidak anak-anak kecil mampu membesar dengan gelak tawa dalam kedamaian sebegini..Lantaran kecantikannya dicipta diatas kerakusan manusia,maka terjadilah banyak permasalahan. Disebabkan pembangunan yang berasaskan kampung tradisi yang dari awal lagi tidak tersusun,maka munculah permasalahan dari segi infrastruktur dan saliran. Agak sukar rasanya untuk disusun kembali bagi melengkapkan suatu pembangunan yang lestari.



Lantaran Sungai Tangkas adalah Kampung Tradisi, maka banyak masalah timbul pabila berdepan dengan pembangunan yang tidak terancang. Misalnya yang jalan sempit pabila melalui bawah terowong keretapi (ktm), sering mengalami banjir pabila hujan sedikit lebat, termasuk banjir lumpur yang dilihat membusukkan lagi keadaan pabila alam diheret untuk menerima pembangunan yang tidak terancang,




Bukan setakat itu sahaja,malah dengan kewujudan rumah tidak teratur seperti setinggan,berlaku kesesakan kerana jalan sempit tidak dapat menampung kenderaan keluar masuk, lebih-lebih lagi waktu puncak iaitu pada sebelah pagi dan petang tanah yang tidak bermilik dan bertindih milik makin dilihat makin menyakitkan mata dengan kewujudan hutan rimba berkelompok itu.Terdapat juga projek perumahan terbelengkalai dan perumahan terbiar yang menyakitkan mata dan hati, kawasan tidak terjaga seperti rumput tidak dipotong dan perparitan tidak terjaga, walaupun setengah kawasan sudah berada di bawah jagaan MPKj.





LIHAT sajalah keadaan banjir yang berlaku akibat sistem perparitan yang tidak sistematik ini. Permasalahan ini sangat ketara dan jelas untuk dinilai bagaimana keadaan sebenar penempatan dan kehidupan masyarakat setempat apabila ditimpa hujan. Deruan hujan yang sepatutnya meninggalkan momen-momen indah dikalangan anak-anak setempat, kini menimbulkan kebimbangan dan kegusaran buat ibubapa berikutan dari keadaan longkang dan sistem perparitan yang tidak diselenggara, pembuangan sampah yang seakan-akan menutup laluan air dikatakan menjadi punca utama akan persoalan yang timbul. Walaupun permasalahan ini telah bergenerasi diwarisi oleh masyarakat ini, namun seakan-akan pihak yang berwajib hanya sekadar membutuhkan mata dan memekakkan telinga daripada mengatur langkah mencipta strategi untuk mengatasi permasalahan ini. (gambar diambil ketika banjir kilat oleh seorang ahli kumpulan kami pada 23 November 2014 sekitar jam 7.20pm- 9.00pm)









PROJEK TERBENGKALAI

projek terbengkalai sememangnya menjadi racun utama yang membarahkan jiwa penduduk disini. apakan tidaknya, batuan-batuan kongkrit yang terbiar ini seolah-olah menjadi tugu dan simbol kepada pengenalan akan perkampungan Sungai Tangkas ini. projek yang sepatutnya menjadi kebanggaan dan simbolik kepada kemajuan kampung ini akhirnya hanya menjadi penempatan buat si labah-labah. hal ini juga menimbulkan kegusaran buat penduduk dek kerana 'hotel bajet' ini seringkali dilihat digunakan untuk aktiviti persundangan dan tidak bermora seperti sarang khas buat penagih dan sebagainya





MASALAH SAMPAH

Akibat masalah kutipan sampah yang lewat dikutip dan ditinggalkan, ada segelintir penghuni mengambil jalan mudah membuang sampah-sarap dan sisa pepejal di kawasan terbuka termasuk di bahu jalan dan di persimpangan jalan. Keadaan itu secara tidak langsung menyebabkan penduduk taman berkenaan kesal dengan pihak yang menguruskan pembuangan sisa pepejal itu kerana didapati cuai apabila membiarkan sampah tidak diangkut secepat mungkin.

Penduduk, Mohamad Haris Abdullah, 42, berkata, selain diselongkar haiwan sama ada kucing atau anjing liar, sampah yang lewat diangkat di depan pintu rumahnya berulat dan busuk serta melimpah ke bahu jalan.

Menurutnya, penghuni tidak mempunyai kaedah lain untuk mengatasi masalah itu, selain membuang sampah sarap dan sisa pepejal di tempat terbuka yang jauh dari kawasan rumah. Antara luahan lain penghuni tempatan apabila kami menanyakan tentang hal ini, rata-rata meninggalkan persoalan kami dengan nada kekesalan :

“Kami perlu berbuat demikian kerana tidak tahan bau meloyakan yang meresap ke dalam rumah, setiap kali membuka pintu sehingga menjejaskan kesihatan dan selera makan.

“Walaupun isu sampah sarap yang lambat diangkat dalam kawasan perumahan sering dilaporkan dalam media, namun masalah itu tidak diatasi dan berlarutan hingga kini,” katanya.

Mohamad Haris mendakwa, sebelum ini, lori pengangkut sampah masuk ke dalam kawasan perumahan itu setiap dua hari sekali, tetapi sejak kebelakangan ini, kerja mengutip sampah dilakukan antara empat ke enam hari sekali dan kadang-kadang melebihi seminggu.

Menurutnya, penduduk juga mengalami pencemaran bau agak teruk apabila sampah berulat dan busuk di dalam tong sampah diangkat oleh lori pengangkut sampah.

Katanya, air lelehan sampah daripada dalam lori melimpah di permukaan jalan, bukan saja mengotorkan tetapi menyebabkan pakaian yang dijemur di ampaiian dicemari bau kurang menyenangkan.

“Masalah itu bukan baru tetapi sering berlaku dan sehingga kini tiada tindakan drastik diambil pihak terbabit. Selain mencemarkan pemandangan, longgokan sampah-sarap itu menimbulkan rasa kurang senang orang luar,” katanya.





Posted by [Mr Olala](#) at [19:00](#) 1 comment:

CADANGAN JALAN PENYELESAIAN BAGI PERMASALAHAN YANG DIHADAPI OLEH PENDUDUK DI KAMPUNG SUNGAI TANGKAS

A) MASALAH SISTEM PERPARITAN YANG MENJADI PUNCA BANJIR KILAT

1. Menambahbaikan sistem perparitan di tepi jalan raya dan di bawah terowong keretapi agar banjir tidak berlaku apabila hujan lebat.
2. Pihak berkuasa perlu menambah bilangan pekerja pembersihan dalam seminggu di kawasan yang sering mengalami banjir.
- 3.

B) MASALAH SAMPAH SARAP

1. menambah bilangan tong sampah di kawasan Kampung Sungai Tangkas
2. memastikan pekerja pemungut dan penyelenggara sampah bertanggungjawab bagi memastikan tiada sampah yang dicitikan oleh lori sampah sepanjang perjalanan
3. memastikan pekerja pembersihan membersihkan setiap kawasan persekitaran tong sampah sampah
4. mengadakan kempen kesedaran dan gotong royong mingguan antara penduduk kampung

C) MASALAH PROJEK TERBENGGALAI

- 1.menyiasat latar belakang kontraktor sebelum diberikan projek
- 2.melantik kntraktor yang ada kewangan yang kukuh untuk melaksanakan projek
- 3.menjual tanah bangunan terbelongkalai kpd kontraktor yang berminat supaya dapat dibangunkan kembali misalnya dijadikan kawasan perumahan atau kedai-kedai rumah.

D)CADANGAN DAN PENAMBAHBAIKKAN

- 1.meningkatkan kemudahan infrastruktur seperti lampu jalan raya dan membina parit atau longkang yang lebih sistematik.
- 2.mewujudkan pembangunan yang lebih teratur dan sistematik.
- 3.mewujudkan kelab rukun tetangga untuk mengelakkan kejadian jenayah dalam kawasan Kampung Sungai Tangkas.

Posted by Mr Olala at 18:52 No comments:

11 December 2014

MESYUARAT KALI KELAPAN

TARIKH : 11/12/2014

HARI : KHAMIS

TEMPAT:FACEBOOK



Respon ahli: 7/7

PERBINCANGAN:

- ahli diminta menghantar gambar dan profil
- perkembangan tugas:
 - tolong Hisham perbaiki blog
 - manual blog dalam proses

Hal-hal berbangkit:

- tempah tarikh perbentangan dengan pensyarah dalam facebook



Posted by [Mr Olala](#) at [00:11](#) No comments:

10 December 2014

PERJUMPAAN BERSAMA PENSYARAH

Tarikh : 10 Oktober 2014
Tempat : Bilik Encik Rafizi Salleh, Pusat Citra Universiti
Masa : 12.00 tengahari
Kehadiran : 2 ahli

-Perjumpaan ini bertujuan untuk :

Mendapatkan penerangan daripada pensyarah apresiasi teknologi maklumat, Encik Rafizi Salleh berkenaan dengan pelaksanaan projek secara terperinci.

-Berbincang dengan pensyarah mengenai pendapat beliau tentang tempat kajian yang dipilih.

-Mendapatkan maklumat dan tips daripada pensyarah bagi melaksanakan projek ini dengan lebih sempurna.

-mendapatkan maklumat tentang hal-hal berkaitan dengan pembentangan dan manual blog


-menyerahkan proposal dan report kepada Encik Rafizi Salleh untuk disemak.

Posted by [Mr Olala](#) at [00:27](#) No comments:

6 December 2014

MESYUARAT KALI KETUJUH

TARIKH : 6/12/2014
HARI : SABTU
TEMPAT : FACEBOOK



Respon ahli: 7/7

PERBINCANGAN:

-perkembangan tugas:

Nasrun: laporan siap

Nwk Ng: video siap

Hisham: buat blog dalam proses

Yeo, Yee, Vivian: bantu Nwk Ng menyiapkan video

-tugas lain:

-tolong Hisham perbaiki blog

-Hishm dan Naquiuddin buat manual blog

Hal- hal berbangkit:

-tiada

Posted by [Mr Olala](#) at [23:53](#) No comments:

29 November 2014

MESYUARAT KALI KEENAM

TARIKH : 29/11/2014
HARI : SABTU
TEMPAT : FACEBOOK



Respon ahli: 4/7

PERBINCANGAN:

-ikuti perkembangan:

Nasrun: laporan

Nwk Ng: video

Hisham: buat blog

Yeo, Yee, Vivian: bantu Nwk Ng

Hal-hal berbangkit:


-muat naik gambar lawatan ke dua ke dalam fb

-maklumkan kepada ahli yang tidak respon tentang tugas

Posted by [Mr Olala](#) at [12:53](#) No comments:

27 November 2014

HASIL LAWATAN KALI KEDUA



Posted by [Mr Olala](#) at [02:30](#) No comments:

26 November 2014

LAPORAN AKTIVITI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



BUTIRAN PROGRAM

- a) Penganjur : Aprisiasi Teknologi Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia
- b) Tarikh : 25 November 2014
- c) Tempat : Kampung Sungai Tangkas
- d) Jumlah Peserta : 7 orang Ahli Jawatankuasa

25 NOVEMBER 2014/ SELASA

Waktu	Program
10:00 PAGI	Berkumpul para peserta untuk bertolak di hentian bas KDO
10.30	Sampai di tempat sasaran. Memulakan tinjauan dan temu bual para penduduk
12.30	Persiapan Diri & Solat Makan Tengah Hari

2.00 petang	Melawat rumah JKK Kampung Sungai Tangkas
3.00 petang	Meneruskan temu bual dan tinjauan
6.00	Pulang ke UKM

PENGISIAN AKTIVITI

TINJAUAN PERSEKITARAN

Antara aktiviti yang pertama kami lakukan apabila sampai disana adalah meninjau keadaan sekeliling Kampung Sungai Tangkas. Kami memerhati daripada sudut pembangunan masyarakat termasuk kegiatan masyarakat mahupun pembangunan kemudahan di sekeliling. Berikut Merupakan gambar-gambar kegiatan tinjauan.



Gambar sedang membuat tinjauan di kawasan perumahan dan petempatan penduduk



perbincangan dan taklimat ringkas kepada ahli



sedang memerhati pembangunan Sungai Tangkas

Melalui tinjauan yang kami jalankan, kami mendapati bahawa Kampung Sungai Tangkas merupakan sebuah kampung yang membangun. Hal ini demikian kerana kedudukan Kampung Sungai Tangkas ini berada di kawasan yang sangat strategik. Lokasi Kampung ini berdekat dengan stesen KTM UKM. Selain itu kedudukannya yang begitu dekat dengan pusat Bandar menjadikan populasi penduduk di kawasan kampung tersebut kelihatan agak padat.

Dari sudut pemerhatian kami, kegiatan ekonomi penduduk pada tahap yang baik. Kami mendapati bahawa banyak kegiatan perniagaan yang dijalankan. Selain itu kami mendapati bahawa sambutan perniagaan terutama pada gerai makan mendapat sambutan di kalangan penduduk. Keadaan ini menunjukkan bahawa kegiatan kuasa beli penduduk pada tahap tinggi. Bukan itu sahaja, terdapat juga penyediaan perkhidmatan seperti kedai gunting rambut, servis komunikasi dan sebagainya menunjukkan kampung ini begitu lengkap dengan penyediaan servis keperluan harian penduduk.

Bukan itu sahaja, kami juga turut memerhati kemudahan prasarana penduduk. Kemudahan-kemudahan ini termasuklah penyediaan balai polis, sekolah, pusat tuisyen, klinik dan sebagainya. Keadaan dapat memberi persepsi kepada kami bahawa Kampung Sungai Tangkas ini merupakan suatu kampung yang membangun. Kemudahan prasarana ini secara langsung memudahkan penduduk dalam memenuhi keperluan kehidupan. Sebagai contoh adalah kemudahan klinik yang dapat membantu penduduk apabila memerlukan. Tinjauan kami juga, kami mendapati populasi masyarakat adalah kebanyakannya adalah terdiri daripada orang Melayu. Kami mendapati hanya sedikit populasi masyarakat India dan China.

Setelah memerhati di sekitar Kampung Sungai Tangkas, kami juga mendapati bahawa terdapat beberapa kelemahan di kampung tersebut. Antaranya adalah sistem gerai yang tidak teratur dan terlalu terdedah kepada udara luar. Hal ini boleh menyebabkan mendatangkan penyakit terhadap pembeli. Selain itu, kami juga melihat bahawa sistem pembuangan sampah di Kampung Sungai Tangkas juga tidak teratur. Hal ini menyebabkan sampah-sampah begitu banyak dan bertaburan di kawasan pembuangan serta di tepi-tepi jalan. Keadaan yang sebegini boleh menyebabkan imej Kampung Sungai Tangkas dipandang serong.

Tuntasnya, sepanjang pemerhatian kami semasa berada di Kampung Sungai Tangkas, kami mendapati bahawa Kampung Sungai Tangkas merupakan suatu yang yang baik. Kampung tersebut merupakan salah satu kampung mempunyai kemajuan dan juga dalam proses yang membangun.

TEMU BUAL PENDUDUK

Selain membuat tinjauan di sekitar kawasan Kampung Sungai Tangkas, kami juga turut menemu bual beberapa orang penduduk mengenai pendapat dan pandangan mereka terhadap Kampung Sungai Tangkas. Semasa menemu bual, kami menanyakan beberapa soalan mengenai pandangan mereka terhadap Kampung Sungai Tangkas.



sedang menemu bual En. Ahmad Shafiee yang merupakan seorang guru tahfiz di Kampung Sungai Tangkas



menemubual sekumpulan pelajar di GMI berhampiran



menemu bual Puan Zaitun dan Puan Fatiana yang baru pulang dari bekerja.

Secara kesimpulan umum yang kami dapat simpulkan adalah kesemua penduduk berpuas hati dengan frasarana yang disediakan. Mereka bersyukur kerana Kampung Sungai Tangkas merupakan suatu kampung yang kedudukannya adalah strategik kerana kedudukannya begitu dekat dengan pusat Bandar. Namun begitu, mereka masih mengharap agar pembangunan frasarana di Kampung Sungai Tangkas ini dapat dinaiktarafkan. Hal ini adalah untuk menambahkan keselesaan terhadap penduduk.

Bukan itu sahaja, mereka turut member respon terhadap sosio pekerjaan di kampung Sungai Tangkas. Bagi mereka, penduduk di sungai tangkas mempunyai pelbagai bidang pekerjaan dan bukan perniagaan semata-mata. Mengikut apa yang diterangkan, beberapa orang penduduk di Kampung Sungai Tangkas merupakan golongan professional dan ada juga yang merupakan usahawan yang Berjaya. Namun begitu, oleh kerana kesuntukan masa, kami tidak berkesempatan untuk bertemu dengan golongan yang dimaksudkan.

Mereka juga turut member komen terhadap masalah yang dihadapi oleh penduduk Kampung Sungai Tangkas. Mengikut pandangan mereka, mereka tidak terlalu memandangkan akan permasalahan terhadap kampung kerana bagi mereka kampung tersebut adalah kediaman mereka sendiri. Setelah kami menanyakan mengenai masalah pembungan sambah, beberapa sahaja yang bersetuju dengan pandangan kami dan yang selebihnya menafikan pembungan sampah merupakan suatu permasalahan terhadap penduduk. Bagi mereka, masalah pembuangan sampah itu adalah terletak pada sikap individu seseorang.

Posted by [Mr Olala](#) at [18:35](#) [No comments:](#)

[Home](#)

[Older Posts](#)

[Subscribe to: Posts \(Atom\)](#)

[Home](#)